



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**17 Disember 2020
2 Jamadilawal 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Nelayan raih RM1,000 sehari• Pukat hantu rosak hidupan marin• Teluk Kumbar rezeki 'ikan masin' Md Aris, isteri
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
The Borneo Post	•

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		12	17-12-2020

12

UTUSAN MALAYSIA
KHAMIS - 17 DESEMBER 2020

Dalam Negeri



ROSЛИZAN Ramli (kanan) bersesili dengan rakan nelayan di perairan Teluk Kumbar. Lebih 100 bot nelayan tempatan datang ke sini kerana menjadi lubuk spesies hidupan laut. - UTUSAN/AMIR IRSYAD OMAR

Selatan Pulau Pinang lubuk emas nelayan

Nelayan raih RM1,000 sehari

Oleh MOOR HASLIZA NUSI
utusannews@mediamulu.com.my

BALIK PULAU: Bagi kebanyakan orang, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikenakan akibat pandemik Covid-19 Mac lalu mungkin menyebabkan pendapatan mereka terjejas.

Tetapi situasi sebaliknya berlaku kepada nelayan di sekitar perairan selatan negeri ini.

Menurut mereka, pendapatan ketika PKP bertambah kerana hasil laut yang meningkat sepanjang tempoh itu.

Nelayan memberitahu, sejak awal tahun ini khususnya ketika PKP, hasil laut seperti ikan kembung, ikan temenung dan udang meningkat sekali gus membantu menjana pendapatan harian mencecah RM500 hingga RM1,000.

Tinjauan Utusan Malaysia di sekitar perairan Permatang Damar Laut, Sungai Batu dan Teluk Kumbar di sini mendapati lebih 50 bot nelayan tempatan berada di kawasan berhampiran pesisir pantai sehingga ke Pulau Kendi dan Rima.

Malah difahamkan lebih 100 hingga 200 bot nelayan tempatan termasuk dari Kuala Muda, Kedah dan Bagan Tiang, Perak bertumpu di kawasan itu se-

mata-mata untuk mencari hasil laut setiap hari.

Nelayan itu sanggup merentas negeri ke Kawasan perairan tersebut yang menjadi lubuk emas pelbagai spesies hidupan laut sejak akhir-akhir ini.

Lokasi itu terlibat dengan projek tambakan laut perairan selatan Pulau Pinang (PSR) yang dicadangkan kerajaan negeri.

PSR membatikan cadangan projek pembangunan menebus guna kawasan laut seluas 1,921 hektar termasuk pembinaan tiga pulau buatan melibatkan kawasan dari selatan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) hingga ke perairan Teluk Kumbar.

Seorang nelayan di Teluk Kumbar, Roslizan Ramli, 39, berkata, kawasan laut berkenaan kaya dengan hasil ikan dan kehidupan laut yang sesuai jadi makana kepada anak-anak ikan dan udang.

Menurutnya, bekalan sumber laut itu semakin bertambah dan tidak putus sejak PKP lalu sehingga menarik lebih ramai penduduk setempat terutama pekerja kilang atau swasta yang terjejas dengan pandemik Covid-19 untuk turun ke laut.

"Di sini banyak ikan bawal tambak, hitam, putih, kedera,

ketam, senangin, talang dan kembung. Setiap hari nelayan mampu memperoleh satu tan ikan kembung selain 300 kilogram ikan campur-campur.

"Jika guna pukat tiga lapis, sebanyak 30 hingga 40 kilogram udang dan ikan campur mampu diperoleh," katanya.

Roslizan yang berpengalaman lebih 30 tahun sebagai nelayan memberitahu, faktor peningkatan jumlah ikan sejak akhir-akhir ini dipercayai akibat lokasi perairan nelayan pantai itu bebas aktiviti pencerobohan bor pukat tunda.

Sementara itu seorang lagi nelayan, Ang Talin, 48, berkata, Pulau Kendi dan Rima kini menjadi lokasi tumpuan hasil tangkapan sumber laut sepanjang tahun ini.

Jelasnya, situasi Covid-19 mendatangkan banyak manfaat kepada golongan nelayan tempatan dalam mencari rezeki demi kelangsungan hidup.

"Golongan nelayan tidak terjejas akibat Covid-19. Mereka boleh keluar ke laut mencari sumber ikan dan memperoleh pendapatan yang lumayan."

"Kami tidak pernah menghalau mereka (nelayan luar) sebaliknya bersama mencari makan hasil laut," katanya.

Pukat hantu rosak hidupan marin

GEORGETOWN: Penggunaan pukat tunda dan peralatan tangkapan haram seperti bubu naga, pukat dan rawai hantu dibimbangi mengakibatkan kererosotan sumber perikanan negara termasuk di perairan Teluk Kumbar di sini.

Presiden Sahabat Alam Malaysia (SAM), R. Meenalshi berkata, kajian menunjukkan peralatan yang diuloi suai tanpa kebenaran itu mengganggu hidupan ikan baja dan anak-anak ikan.

Menurutnya, penggunaan peralatan itu turut merosakkan dasar laut dan kawasan pembiakan hidupan marin.

"Operasi pukat tunda ini menimbulkan konflik dan ketegangan kepada nelayan pantai Zon A kerana kerap menceroboh ke kawasan tangkapan nelayan tersebut sekali gus merosakkan alat tangka-

pan mereka.

"Dasar Penghapusan Pukat Tunda B dan Penghapusan Pukat Kenka 2 bot (Apollo) berkuat kuasa 1 Januari lalu mesti diperaksakan bagi menjamin kelestarian sumber perikanan negara," katanya.

Bagaimanapun jelas beliau, sehingga kini SAM mendapat tiada kesungguhan dan komitmen kerajaan untuk mempertahankan dasar itu.

Katanya, masalah pencerobohan nelayan asing terutama di Pantai Timur juga perlu diberi perhatian serius.

"Pencerobohan itu menyebabkan kita berdepan kerugian RM6 bilion setahun.

"Penggunaan pukat tunda ganding dalam kalangan nelayan asing juga banyak merosakkan sumber laut, sekali gus mengancam keselamatan nelayan tempatan," jelasnya



Md. Aris Ali dan isteri menyusun ikan untuk dijemur dan dijadikan ikan masin di rumah mereka di Teluk Kumbar, Pulau Pinang.

Teluk Kumbar rezeki 'ikan masin' Md. Aris, isteri

BALIK PULAU: Kawasan perairan Teluk Kumbar inilah sumber rezeki utama keluarga saya,"

Demikian jelas Md. Aris Ali, 63, yang mengusahakan perniagaan ikan masin sejak lebih dua dekad lalu.

Bersama isterinya, Noraini Hassan, 60, mereka akan turun ke laut dari pagi hingga petang setiap hari bagi mencari ikan belanak, duri dan gelama.

"Menjadi rutin harian kami memangkap ikan yang sesuai untuk diproses menjadi ikan kering. Kami pernah mem-

bawa balik 30 kilogram ikan terutama ikan duri dan itu merupakan hasil tangkapan yang paling banyak diperoleh setakat ini," katanya.

Bapa kepada seorang cahaya mata itu memberitahu, produk ikan masinnya mendapat sambutan menggalakkan terutama ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac lalu.

"Alhamdulillah perniagaan kecil-kecil ini mampu menjana pendapatan bulanan yang cukup untuk menampung kami sekeluarga," jelasnya.